**MURSYID ALHARAMAIN TRAVEL & TOURS SDN. BHD ( KPK/LN 7767 / LKU 0025 )**

Unit A-1, First Floor, Block 1, Jalan Tinju 13/50, Worldwide Business Park, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor

# GROUP SERIES:RUSSIA 3 CAPITAL (ST. PETERSBURG, KAZAN & MOSCOW) : 10 HARI 08 MALAM

| | |
|---|---|
| **Hari 1** | **Kuala Lumpur – Dubai – St. Petersburg (Meal On Board)**<br>♦ Berkumpul di Kuala Lumpur International Airport (KLIA) untuk urusan daftar masuk sebelum berlepas ke St. Petersburg melalui transit Dubai<br>♦ Tiba di St. Petersburg, disambut pemandu pelancong tempatan<br>♦ Daftar masuk hotel dan bermalam |
| **Hari 2** | **St. Petersburg (Sarapan Pagi, Makan Tengah Hari)**<br>♦ Sarapan pagi di hotel<br>♦ Mulakan lawatan panoramik bandar membawa anda menyusuri **Nevsky Prospect**, jalan utama paling terkenal di St. Petersburg<br>♦ Melawat **Kazan Cathedral, Vasilievsky Island, Winter Palace, St. Isaac Cathedral, Bronze Horseman, Senate Square** dan **Peter & Paul Fortress**<br>♦ Pengalaman diteruskan dengan pelayaran santai menyusuri **Sungai Neva**<br>♦ Selepas makan tengah hari, lawatan ke Masjid St. Petersburg (Masjid Soekarno), salah satu masjid terbesar di Eropah, untuk solat jamak<br>♦ Kembali ke hotel untuk berehat<br><br>Optional: Evening Draw Bridge Cruise (RM250/seorang - Min 4 pax) |
| **Hari 3** | **St Petersburg – Kazan (Sarapan Pagi, Makan Tengah Hari)**<br>♦ Selepas sarapan pagi dan daftar keluar hotel, lawatan dimulakan ke **Palace Square**, dataran utama yang menjadi saksi peristiwa penting dalam sejarah Rusia<br>♦ Lawatan diteruskan ke **Muzium Hermitage**, salah satu muzium seni terbesar di dunia yang menempatkan jutaan koleksi seni dan artifak berharga<br>♦ Selepas makan tengah hari, kunjungan ke **Church of the Spilled Blood** yang terkenal dengan seni bina mozek berwarna-warni dan kubah ikonik<br>♦ Singgah bergambar di **Monument to the Heroic Defenders of Leningrad** sebagai simbol ketabahan rakyat Rusia semasa Perang Dunia Kedua<br>♦ Pada petang hari, rombongan bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan ke **Kazan**<br>♦ Setibanya di **Kazan**, daftar masuk hotel dan bermalam |
| **Hari 4** | **Kazan – Bulgar – Kazan (Sarapan Pagi, Makan Tengah Hari)**<br>♦ Sarapan pagi di hotel<br>♦ Bertolak ke **Bulgar**, kota yang dikenali sebagai Northern Mecca. Di sinilah bermulanya penyebaran Islam di rantau Volga dan tempat asal masyarakat Tatar<br>♦ Makan tengah hari halal sebelum meneroka **Bolgar Museum Preserve**, termasuk **Sign of Islam**, **Museum Civilization Bolgar**, runtuhan masjid dan gereja lama, **Black Chamber** serta **Makam Khan**<br>♦ Lawatan diteruskan ke **Masjid Putih (White Mosque)** yang terkenal dengan seni bina indah seakan Taj Mahal<br>♦ Kembali ke Kazan pada petang hari<br>♦ Pada waktu malam, nikmati makan malam tradisional masyarakat Tatar yang diserikan dengan persembahan budaya |
| **Hari 5** | **Kazan – Moscow (Overnight Train) (Sarapan Pagi/Makan Tengah Hari/ Makan Malam)**<br>♦ Selepas sarapan, lawatan bandar Kazan dimulakan dengan **Cathedral Peter & Paul dan Kazan Family Center**<br>♦ Dari sini, nikmati pemandangan sekitar bandar termasuk **Kazan Riviera, Kazan Arena Stadium, Millennium Bridge, Liberty Square, Ekiyat Puppet Theatre, Millennium Park, Kamala Theatre** dan **Universiti Kazan**<br>♦ Lawatan diteruskan ke **Kazan Kremlin**, tapak Warisan Dunia UNESCO yang menempatkan **Masjid Kul Sharif, Menara Condong Syuyumbike** dan **Annunciation Cathedral**, simbol keharmonian Islam dan Kristian di Kazan<br>♦ Selepas makan tengah hari, lawatan ke **Old Tatars Sloboda, Muzium Chak Chak** dan **Tugan Avylym**<br>♦ Akhir sekali, bertolak ke stesen kereta api untuk pengalaman perjalanan bermalam ke **Moscow** |
| **Hari 6** | **Moscow (Sarapan Pagi, Makan Tengah Hari)** |

Dikemaskini pada 16 April 2026

| | |
|---|---|
| | ♦ Setibanya di Moscow, sarapan pagi dan mulakan lawatan ke pusat bandar melalui bangunan ikonik seperti **Bolshoi Theatre** dan **KGB Building**<br>♦ Lawatan ke **Red Square** memperkenalkan mercu tanda utama seperti **St. Basil Cathedral, Lenin Mausoleum (luar), GUM** dan **Alexander Garden**<br>♦ Seterusnya, nikmati pemandangan bandar dari **Floating Bridge** sebelum meneroka **Moscow Kremlin**, pusat pemerintahan Rusia sejak berabad lamanya dan tapak Warisan Dunia UNESCO<br>♦ Selepas makan tengah hari, masa diperuntukkan untuk membeli-belah di **Izmailovo Market**<br>♦ Daftar masuk hotel dan bermalam di **Moscow** |
| **Hari 7** | **Moscow (Sarapan Pagi / Makan Tengah Hari)**<br>♦ Sarapan pagi di hotel<br>♦ Lawatan bandar Moscow dimulakan ke **Cathedral of Christ the Savior (luar)**, **Patriarch Bridge, Patung Peter the Great, Moscow State University** dan **Stalin's Skyscrapers yang terkenal**<br>♦ Singgah di **Sparrow Hills** untuk menikmati panorama bandar dari aras tinggi, diikuti pengalaman menaiki **Moscow Cable Car (tertakluk cuaca & musim)**<br>♦ Lawatan diteruskan ke **Victory Park**, simbol kemenangan Rusia dalam Perang Dunia Kedua<br>♦ Kemudian terokai keindahan seni bina stesen Moscow Metro sebelum bersiar di **Old Arbat Street** yang terkenal dengan suasana seni dan budaya<br>♦ Akhir sekali, kembali ke hotel untuk berehat |
| **Hari 8** | **Moscow (Sarapan Pagi / Makan Tengah Hari )**<br>♦ Sarapan pagi di hotel<br>♦ Lawatan ke **Museum of Cosmonautics** memperkenalkan pencapaian Rusia dalam penerokaan angkasa lepas<br>♦ Seterusnya, kunjungan ke **Moscow Cathedral Mosque (Masjid Sobornaya)** untuk solat jamak di masjid terbesar di Rusia<br>♦ Pengalaman diteruskan dengan **Radisson Royal Moscow River Cruise** selama 2.5 jam sambil menikmati makan tengah hari dan panorama bandar Moscow dari Sungai Moskva<br>♦ Kembali ke hotel untuk bermalam |
| **Hari 9** | **Moscow – Kuala Lumpur (Sarapan Pagi / Makan Tengah Hari )**<br>♦ Sarapan pagi dan daftar keluar hotel<br>♦ Makan tengah hari halal disediakan sebelum masa bebas untuk membeli-belah dan bersiar-siar<br>♦ Singgah ke **Masjid Moscow** untuk solat jamak sebelum bertolak ke Lapangan Terbang Domodedovo bagi penerbangan pulang ke Kuala Lumpur |
| **Hari 10** | **Ketibaan di Kuala Lumpur**<br>♦ Tiba di Kuala Lumpur |

***Susunan tentatif adalah bergantung kepada keadaan cuaca, trafik semasa dan sebarang kejadian yang tidak dijangkan dengan notis atau tanpa notis.***

Dikemaskini pada 16 April 2026

**Tempoh Masa :** 10 Hari 08 Malam
Tahun : 2026
**Status :** Kumpulan

**Pakej Termasuk :**

- Tiket penerbangan antarabangsa kelas ekonomi
- Tiket penerbangan domestik St. Petersburg
- Kazan (20kg baggage + 10kg hand carry)
- Penginapan hotel 3–4 bintang (tourist class)
- Sarapan pagi + makan tengah hari / malam seperti
- dalam itinerari (halal / makanan laut)
- Lawatan dan pengangkutan seperti dalam itinerari
- Kereta api bermalam kelas pertama dari Kazan ke
- Moscow (tertakluk ketersediaan)
- Tour Guide berbahasa Inggeris di setiap bandar
- Diiringi oleh Tour Leader berpengalaman
- Perkhidmatan porter di stesen kereta api
- Tips

**Pakej Tidak Termasuk :**

- Insurans perjalanan
- Visa - RM250 seorang (Online Visa)
- Makanan selain yang disebut dalam itineri
- Perkara lain yang tidak termasuk dalam itinerari

| KATEGORI | HARGA (RM) |
|---|---|
| DEWASA | RM 13,290 |
| KANAK-KANAK TANPA KATIL | RM 11,290 |
| KANAK-KANAK DENGAN KATIL | RM 12,290 |
| KANAK-KANAK (TWIN SHARING) | RM 13,290 |
| SINGLE | RM 15,790 |
| INFANT | RM 1,800 |

**Harga tertera adalah untuk minimum 15 pax**

***Surcharge RM 500/seorang untuk saiz kumpulan 9-14 pax***
****Nota: Penerbangan & kadar harga tertakluk kepada perubahan tanpa notis bergantung perubahan peserta & matawang semasa.***

**NOTA KADAR:**
Semua kadar adalah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (MYR) dan tertakluk kepada perubahan tanpa notis terlebih dahulu disebabkan oleh turun naik mata wang dan peraturan cukai kerajaan. Caj tambahan musim tinggi dan musim puncak akan dikenakan secara automatik dalam setiap kadar, termasuk makan malam wajib bagi tempoh tertentu.

**POLISI PEMBATALAN:**
Sekiranya tempahan yang telah dijamin dibatalkan, caj pembatalan akan dikenakan. Kadar caj pembatalan adalah mengikut Terma & Syarat Hotel dan akan dimaklumkan.

**LIABILITI:**
MURSYID ALHARAMAIN TRAVEL & TOURS bertindak hanya sebagai perantara antara pelanggan dengan syarikat pengangkutan, hotel, dan semua kontraktor yang menyediakan perkhidmatan. Oleh itu, pihak syarikat tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, kecederaan, kehilangan, kerosakan atau sebarang ketidakteraturan yang mungkin berlaku semasa pelaksanaan perkhidmatan.

**PEMBAYARAN BALIK (REFUND):**
Tiada bayaran balik atau pengurangan akan diberikan kepada pelanggan yang tidak mengambil bahagian dalam mana-mana hidangan, lawatan persiaran atau perkhidmatan pemindahan bilik hotel bagi tempahan yang telah disahkan.

**PORTER & TIP:**
Para pelancong perlu membayar caj porter di mana-mana lapangan terbang melainkan telah dinyatakan termasuk dalam pakej pelancongan. Di sesetengah destinasi pelancongan seperti di Mesir, adalah menjadi kebiasaan untuk memberikan tip kepada pemandu, porter hotel dan pemandu pelancong tempatan. Jumlah tip adalah berbeza dan ketua rombongan akan memberi nasihat kepada para pelancong.

**SELEPAS PENGESAHAN, PELANGGAN DIKEHENDAKI:**

a) Mengisi borang pendaftaran
b) Mengisi borang permohonan visa (jika diperlukan)
c) Membayar deposit RM 1000 seorang (tidak boleh dikembalikan)
d) Menjelaskan bayaran penuh 60 hari sebelum tarikh berlepas bagi urusan darat dan bayaran penuh semasa tempahan untuk tiket penerbangan
e) Memberikan senarai nama, tarikh lahir dan senarai penginapan bilik
f) Menyerahkan salinan pasport setiap pelanggan dengan tempoh sah laku melebihi 6 bulan dari tarikh berlepas

Pelanggan dianggap telah memahami dan bersetuju dengan semua terma dan syarat yang dikenakan sebaik sahaja mendaftar dengan MURSYID ALHARAMAIN TRAVEL & TOURS.

Dikemaskini pada 16 April 2026